

28 FEB 2002

Mahathir-Ulama

RAMAI BUKAN ULAMA DAKWA DIRI ULAMA, KATA MAHATHIR

SEPANG, 28 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ucapan beliau pada Forum Ekonomi Dunia di New York ditujukan secara umum kepada golongan yang sebenarnya bukan ulama tetapi mendakwa diri mereka sebagai ulama.

Perdana Menteri berkata ramai daripada mereka itu adalah ulama politik yang cuba menghalalkan segala kesalahan yang dilakukan oleh parti politik yang berkenaan dan mereka menggunakan pengaruh mereka untuk mengelirukan masyarakat Islam.

"Sebab itu saya mengecam mereka kerana mereka mendakwa hanya mereka sahaja yang berhak memerintah sesebuah negeri, ini kenyataan yang dibuat oleh mereka.

"Saya berpendapat bahawa pemerintahan sesebuah negeri mestilah dibuat oleh seseorang yang cekap dalam bidang pemerintahan," katanya pada sidang media di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini selepas pulang bercuti dari luar negara.

Beliau diminta mengulas mengenai kecaman PAS terhadap ucapannya di New York itu yang dikatakan kononnya menghina ulama di hadapan pemimpin Israel Ariel Sharon pada forum ekonomi itu.

Dr Mahathir berkata, "Jika mereka yang terbabit itu adalah orang yang terpelajar dalam bidang agama, ia tidak menjadi sebarang masalah tetapi jangan mengatakan bahawa seseorang yang mempunyai pelajaran agama adalah pakar dalam semua bidang, ini tidak benar".

Bagaimanapun, katanya mereka yang terbabit itu mendakwa hanya mereka sahaja yang boleh memerintah.

Dr Mahathir berkata ucapan beliau itu adalah secara umum kerana di mana-mana juga boleh didapati ulama politik.

"Kita tahu dalam sejarah Islam terdapat banyak ulama, dan kita jadi pengikut mereka, orang seperti al-Ghazali, seperti Hanafi, Hambali, Maliki, Shafie, orang ini tak ada kepentingan politik," katanya.

Perdana Menteri turut menyangkal bahawa Ariel Sharon hadir semasa beliau berucap pada forum ekonomi itu sebagaimana yang didakwa oleh PAS.

"Kebanyakan orang beragama Islam dan ada orang Kristian dan Yahudi yang ada bersama dan kita harus jelaskan perkara ini kerana mereka terkeliru bahawa orang Islam adalah penganas dan mereka tak ada rasional langsung dalam pemikiran mereka," katanya.

Mengenai cadangan Majlis Perundangan Ulama Negara beliau berkata ia akan ditubuhkan secepat mungkin dan akan dianggotai oleh para ulama yang bebas daripada politik tetapi kerajaan akan turut mengambil bahagian.

-- BERNAMA

AFY AFY NAK